

Pertingkat Pengeluaran Padi Untuk Tampung Keperluan Domestik - Noh Omar Bernama
14 Februari , 2012

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Tahap produktiviti dan pengeluaran padi negara perlu dipertingkatkan supaya dapat menampung 100 peratus keperluan pengguna domestik serta mengurangkan kebergantungan kepada beras import, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar.

Beliau berkata ketika ini, purata pengeluaran padi negara adalah 3.9 tan metrik sehektar setahun dan ia hanya mampu menampung 72 peratus keperluan domestik.

"Kita mensasarkan pengeluaran padi negara ditingkatkan kepada enam tan metrik sehektar bagi menampung 100 peratus keperluan domestik serta untuk jaminan bekalan makanan pada masa hadapan," katanya kepada pemberita pada penutup Seminar Padi Pertubuhan Peladang Peringkat Kebangsaan di sini Selasa.

Beliau berkata kerajaan tidak meletakkan sebarang tempoh untuk mencapai sasaran itu, namun pelbagai langkah sedang diusahakan ke arah itu.

Noh berkata antara pendekatan yang sedang diambil adalah menaik taraf kawasan penanaman padi sebagai jelapang padi dan menambah musim tanaman padi kepada lima kali dalam dua tahun berbanding dua kali setahun sekarang, dengan menggunakan padi baharu yang tahan serangan serangga.

"Pengurusan sawah padi yang terpilih juga akan ditingkatkan kepada pengurusan secara ladang manakala tanah sawah yang terbiar di seluruh negara akan dibangunkan semula sebagai sawah padi," katanya.

Penghasilan beras wangi dan basmathi juga digalakkan bagi membantu petani meningkatkan hasil pendapatan kerana jenis beras tersebut lebih mahal daripada beras biasa.

Noh menarik perhatian bahawa kebergantungan kepada beras import sebenarnya amat berbahaya daripada segi keselamatan bekalan padi dan beras negara.

"Kita tidak mahu krisis bekalan berulang seperti tahun 2008 yang mana bukan sahaja Malaysia tetapi seluruh dunia yang menjadikan beras sebagai makanan ruji menghadapi kesan kekurangan bekalan," katanya.

Pada majlis itu, Pelan Korporat Lembaga Pertubuhan Peladang untuk tempoh lima tahun bermula tahun ini bertujuan memantapkan peranan pertubuhan itu turut dilancarkan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645725>

